

09 DEC 1997

TONGKAH NAK PERKUKUHKAN KEGIATAN PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Strategi Tongkah Holdings Bhd kini adalah memperkukuhkan kegiatan perniagaannya dan mencari rakan kongsi untuk membina teras kecekapannya, kata pengerusi eksekutif merangkap ketua pegawai eksekutifnya, Mokhzani Mahathir.

Mengemaskinikan operasi kumpulan melalui urusan penyusunan semula dan menempatkan kesemua anak syarikatnya di bawah satu bumbung akan membolehkan Tongkah Holdings beroperasi secara lebih cekap, katanya di dalam laporan tahunan 1997 syarikat itu.

Mokhzani berkata memandangkan keadaan ekonomi sekarang tidak menentu, maka kumpulan Tongkah akan memastikan operasi semua syarikat akan diuruskan dengan lebih berhati-hati dan lebih bertanggung jawab.

"Kami yakin bahawa pasukan pengurusan kami dan pelaburan berhemat yang lalu serta keputusan melepaskan pelaburan memberi kami pelantar yang stabil untuk berdiri tegap. Kami yakin bahawa kami mempunyai sumber untuk mengharungi krisis ekonomi ini dan muncul semula sebagai kumpulan syarikat-syarikat yang lebih sihat," katanya.

Mokhzani berkata bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun, 1997, pulangan kumpulan Tongkah jatuh sebanyak 11.2 peratus kepada RM468.7 juta daripada RM528 juta sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh kelembapan dalam pasaran komputer dan elektronik.

Kumpulan Tongkah bergiat dalam sektor perkilangan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, perkhidmatan kewangan, dan perkhidmatan teknologi maklumat.

Mokhzani berkata prestasi beberapa anak syarikat terbabit dalam pengeluaran barangan elektronik pengguna dan komponen terjejas teruk.

Bagaimanapun, keuntungan kumpulan sebelum cukai melonjak sebanyak 73.5 peratus kepada RM100.3 juta daripada RM57.8 juta akibat daripada sumbangan besar daripada Hospital Pantai Bhd apabila ia melupakan kepentingannya dalam Parkway Holdings Ltd (Singapore). -- BERNAMA

MK MA